

21 MAY 2001

Akar-Cina

BEKAS ANGGOTA AKAR ADA HAK MEMILIH PARTI YANG MAHU DISERTAI

KOTA KINABALU, 21 Mei (Bernama) -- Bekas presiden Parti Angkatan Keadilan Rakyat (AKAR) Datuk Pandikar Amin Mulia berkata beliau menyerahkan kepada bekas anggota parti itu termasuk 6,000 dari masyarakat Cina untuk memilih mana-mana parti politik yang mahu disertai.

Pandikar Amin berkata walaupun Majlis Tertinggi Akar pada mesyuaratnya dua hari lepas memutuskan dengan sebulat suara untuk membubarkan parti itu, bekas anggota masih berhak menyertai mana-mana parti komponen lain atau menubuhkan parti baru.

"Kalau mereka mahu sertai parti lain, termasuk pembangkang atau menubuhkan parti baru...itu hak mereka kerana negara kita mengamalkan demokrasi," katanya kepada pemberita di sini.

Terdahulu beliau melancarkan persidangan pemimpin-pemimpin pelajar Asean di kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS), dekat sini, hari ini, mewakili Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai penyertaan hampir semua bekas anggota MT Akar ke dalam parti Umno semalam selepas Perdana Menteri mengumumkan secara rasmi pembubaran parti itu.

Pandikar Amin yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata bagi bekas anggota parti di peringkat bahagian yang ingin menyertai parti Umno, mereka perlu menggunakan saluran biasa dengan mengemukakan permohonan melalui cawangan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan berita semalam mengalu-alukan tindakan bekas anggota Akar untuk menyertai Umno.

Dr Mahathir berkata pintu Umno juga terbuka kepada bekas anggota parti dari kaum Cina.

Bagaimanapun, kelonggaran itu hanya terhad kepada Sabah.

-- BERNAMA

NT ZB